



## **KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN**

Aras G-7, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

---

# **SIARAN MEDIA**

## **UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA**

### **PERTANDINGAN MELUKIS DAN MEWARNA WILAYAH PERSEKUTUAN MENDAPAT SAMBUTAN HANGAT ANAK-ANAK WILAYAH PERSEKUTUAN**

**PUTRAJAYA, 20 Februari 2016** – YB Datuk Seri Utama Tengku Adnan Bin Tengku Mansor, Menteri Wilayah Persekutuan menyempurnakan Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Melukis Dan Mewarna Wilayah Persekutuan Sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2016 (SHWP 2016) di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) disini. Program ini dianjurkan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dengan kerjasama Perbadanan Putrajaya (PPj), Biro Pendidikan UMNO Putrajaya dan PICC.

2. Program ini bertujuan bagi mewujudkan budaya pertandingan yang sihat, menaikkan taraf seni di sekolah-sekolah disamping mengisi masa lapang dengan aktiviti berfaedah. Selain itu juga pertandingan ini dapat mewujudkan keceriaan di kalangan warga WP khususnya kepada kanak-kanak sekolah. Pertandingan ini melibatkan dua kategori iaitu melukis dan mewarna bagi pelajar berumur 8 hingga 17 tahun yang mana pelajar dikehendaki menghasilkan karya bebas bertemakan Hari Wilayah Persekutuan 2016 dan tempat-tempat menarik Wilayah Persekutuan. Manakala kategori kedua ialah mewarna Bendera Wilayah Persekutuan melibatkan anak-anak 7 tahun ke bawah.

3. Pertandingan ini merupakan salah satu program baru SHWP 2016 yang mendapat sambutan menggalakkan dari warga Wilayah Persekutuan dan ini adalah

selaras dengan objektif sambutan Hari Wilayah Persekutuan agar KWP dapat memberi keceriaan dan kesejahteraan kepada warganya. PICC merupakan rakan kerjasama strategik dan berbesar hati menyediakan keseluruhan kawasan yang luas dan boleh menempatkan seramai 9000 peserta dalam program ini. Oleh itu kerjasama ini dapat menjadikan PICC lebih *vibrant* dan lebih mudah dikunjungi bukan hanya untuk acara-acara rasmi kerajaan sahaja.

4. Di samping Pertandingan Melukis Dan Mewarna Wilayah Persekutuan, hadirin boleh melawat kiosk-kiosk produk dan aktiviti Balai Seni Visual Negara, 1M4U, Yayasan Kesejahteraan Bandar dan kiosk peserta yang mempamerkan hasil karya seni mereka. KWP turut bekerjasama dengan Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan bagi menarik lebih ramai penyertaan kanak-kanak sekolah dalam program ini. Penganjur juga mensasarkan supaya program ini dapat direkodkan di dalam Malaysia Book of Record sebagai Pertandingan Melukis Dan Mewarna Wilayah Persekutuan yang mempunyai penyertaan paling ramai.

5. Diharapkan pelaksanaan pertandingan seperti ini dapat mendidik anak-anak untuk mengenali secara lebih dekat Wilayah Persekutuan di samping menyemai nilai dan sikap saling menghormati, bertoleransi dan bantu membantu di antara pelbagai kaum di negara kita khususnya di Wilayah Persekutuan ini. Selain itu program yang dianjurkan sempena SHWP 2016 ini dapat membentuk semangat sayang dan rasa cinta kepada Wilayah Persekutuan di peringkat kanak-kanak lagi dan ke arah meningkatkan keceriaan dan kesejahteraan warga kota.

Disediakan Oleh:

Bahagian Komunikasi Korporat  
Kementerian Wilayah Persekutuan  
Putrajaya  
20 Februari 2016